

A. Teliti maklumat dibawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.



Biodata penerima anugerah:

- Amalina binti Hussin
- Tahun 6 Didik
- Tempat pertama dalam peperiksaan
- Johan pidato peringkat negeri
- Olahragawati sekolah

Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh penerima Anugerah Murid Cemerlang ini?

---

---

---

---

B. Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

untuk  
dengan

pada  
agar

serta  
kerana

sejak  
tetapi

\_\_\_\_\_ hujung minggu yang lalu, murid-murid tahun enam SJK (C) Bukit Lambak dibawa melawat ke Muzium Sultan Abu Bakar. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah \_\_\_\_\_ memberi pendedahan kepada murid-murid tentang sejarah-sejarah yang terdapat di negeri Johor.

Seramai 40 orang murid dan dua orang guru pengiring telah mengikuti lawatan tersebut. Mereka ke sana \_\_\_\_\_ menaiki bas. Murid-murid kelihatan sangat seronok \_\_\_\_\_ dapat ilmu yang baharu. Mereka berharap agar lawatan seperti ini dapat diadakan lagi selepas selesai Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).